

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[ TANJONG MANIS ]**  
**RUJUKAN** : **BL1 [ PR-1323-T64776 ]**  
**SOALAN** :

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah pihak DBKL merancang mengambil para gelandangan yang sihat tubuh badan untuk bekerja dengan mereka bagi mengurangkan atau mengatasi masalah gelandangan selain dari memperuntukkan dua buah bangunan bekas hotel sebagai pusat gelandangan (*homeless*).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong Manis, Kementerian Wilayah Persekutuan menyokong dan menggalakkan agensi di bawah Kementerian ini termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengambil para gelandangan yang sihat tubuh badan bekerja bagi membantu golongan ini ke arah menjadi individu yang berpendapatan tetap, berdikari dan berupaya menstabilkan kehidupan mereka. Di samping itu, Kementerian juga menggalakkan majikan dan agensi-agensi lain termasuk agensi sektor swasta, NGO serta sektor perkhidmatan untuk mengambil golongan ini bekerja berdasarkan kesesuaian dan kemahiran individu yang ingin mencari pekerjaan.

Berkaitan dengan itu juga, pengisian jawatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah berdasarkan kepada keperluan dan kekosongan jawatan. Sebarang kekosongan jawatan akan diiklankan dan tawaran akan dibuat kepada calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat lantikan.